

27 OCT 1998

Mahathir-Helikopter

PEMBUAT HELIKOPTER ANTARABANGSA DIAJAK KELUAR PRODUK DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Malaysia hari ini menyeru syarikat ternama dalam industri helikopter antarabangsa supaya mengkaji kemungkinan mengeluarkan produk mereka di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tawaran itu selaras dengan harat Malaysia untuk memajukan lagi industri aeroangkasa dan penerbangannya.

"Kami boleh menjanjikan sokongan asas yang diperlukan daripada segi kemahiran kejuruteraan bagi membolehkan hasrat itu menjadi kenyataan," kata beliau ketika membuka pameran Heli-Asia '98 di pusat pameran dan konvensyen Mines di Sungai Besi di sini.

Beliau berkata negara berharap masanya akan tiba nanti apabila pameran seumpama ini dianjurkan untuk menunjukkan helikopter buatan Malaysia.

Lebih 100 syarikat dari 35 negara menyertai acara tiga hari itu meliputi operasi awam dan ketenteraan. Ia memberi peluang kepada syarikat pembuat dan pembekal untuk memasuki kedua-dua pasaran itu melalui promosi yang merupakan acara terbesar seumpamanya di rantau Asia Pasifik.

Dr Mahathir berkata pasaran helikopter dan komponennya sedang berkembang.

"Yang menarik perhatian kita ialah pesawat yang agak luar biasa, bukanlah yang istimewa sangat, tetapi yang mempunyai pelbagai kegunaan tertentu, sesetengahnya khusus untuk pesawat jenis ini sahaja," kata beliau.

Sebagai contoh beliau menyebut kebakaran hutan di Florida apabila helikopter yang direka khas untuk operasi melawan kebakaran memainkan peranan utama dalam usaha mengawal kerosakan akibat kebakaran yang begitu besar itu.

Beliau berkata Malaysia juga mempunyai alasan yang wajar untuk memberi perhatian kepada peranan helikopter memandangkan negara ini telah menjadi mangsa kepada kejadian jerebu yang disebabkan oleh kebakaran hutan di sebuah negara jiran tahun lepas.

"Syukurlah, seperti yang kita semua lihat sekarang, masalah itu tidak berulang lagi pada tahun ini. Tidak ada lagi jerebu, yang ada ialah langit yang biru dan matahari yang terang-benderang untuk menyambut kedatangan pengunjung ke Malaysia," kata beliau.

Selain kesesuaiannya untuk operasi mencari dan menyelamatkan, Perdana Menteri juga memberi penekanan kepada kegunaan helikopter yang berbagai-bagai itu.

"Bagi Malaysia kegunaan helikopter adalah tidak ternilai besarnya, daripada mengadakan perkhidmatan doktor sehinggalah kepada kempen pilihan raya, memandangkan agak sukar untuk pergi ke sesetengah tempat di negara ini," katanya.

Helikopter juga digunakan secara meluas dalam operasi minyak dan gas luar pantai selain untuk tugas peninjauan dan operasi ketenteraan yang lain.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata usaha sedang dijalankan untuk menggembelng semua syarikat pesawat terbang tempatan bagi mengelakkan pembaziran akibat pertindihan kerja.

Sebuah konsortium bagi syarikat-syarikat itu mungkin ditubuhkan bagi tujuan itu, kata beliau.

-- BERNAMA

AZZ rn NMO

